

**KHUTBAH KHAS GERHANA BULAN PENUH
(15 ZULKAEDAH 1435H / 28 JULAI 2018 M)**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ،

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَجَعَلَ الظُّلُمَاتِ وَالنُّورَ ثُمَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ
يَعْدِلُونَ ﴿١﴾

(Surah al-An'am : 1)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ،
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Sidang jemaah sekalian,

Pada malam ini kita sekali lagi diperlihatkan oleh Allah SWT bukti kebesaran dan keagunganNya dalam mentadbir dan mengatur alam ini. Ini terbukti dengan berlakunya Gerhana Bulan Penuh yang telah berlaku bermula jam 2.24 pagi tadi dan akan berterusan sehingga jam 6.19 pagi. Menurut kajian ilmu falak, gerhana bulan pada pagi ini adalah gerhana bulan penuh paling lama dalam abad ini. Ini kerana ia berlaku dalam tempoh **3 jam 54 minit 32 saat** bagi fasa umbra dan **6 jam 13 minit 48 saat** bagi fasa penumbra.

Secara ringkasnya, gerhana bulan berlaku, apabila bumi berada di antara matahari dan bulan. Ketika fasa bulan penuh, permukaan bulan yang menghadap ke arah bumi dalam masa yang sama juga menghadap ke arah matahari. Ini menyebabkan bulan mengalami fasa bulan penuh atau mengembang. Ini berlaku pada hari ke-15 dalam taqwim Qamariyah. Namun

pada malam ini yang bersamaan dengan 15 Zulkaedah ketika fasa bulan penuh, cahaya matahari yang sepatutnya jatuh ke atas bulan, akan terhalang dengan bayang bumi. Ini disebabkan bumi akan melalui tepat pada kedudukan di antara matahari dan bulan. Maka cahaya matahari akan dihalang dari terus jatuh ke atas bulan. Sebaliknya bayang bumi atau disebut juga sebagai umbra, akan jatuh ke atas bulan. Ini menyebabkan cahaya bulan yang sepatutnya bersinar putih, akan berubah warnanya menjadi kuning kemerah-merahan.

Sidang jemaah sekalian,

Setiap sesuatu yang berlaku dalam alam ini bukanlah ia sia-sia. Matahari, bulan dan bumi adalah sebahagian daripada alam ciptaan Allah SWT yang dijadikan untuk memberi manfaat yang besar pada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam ayat 20, surah al-Luqman

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَهُ ظَاهِرَةً وَبَاطِنَةً وَمِنَ النَّاسِ مَن يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٍ مُّنِيرٍ ﴿٢٠﴾

Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa Yang ada di langit dan Yang ada di bumi, dan telah melimpahkan kepada Kami nikmat-nimatNya Yang zahir dan Yang batin?

Oleh kerana begitu banyak dan besar manfaat pada matahari, bulan dan bumi itu sendiri, maka ada sebahagian manusia yang mentaqdiskan bahkan menyembahnya. Dalam al-Quran Allah menyebutkan dalam ayat 24 : surah al-Naml :

وَجَدْتُهُمْ وَاقِفَةً يُسْجُدُونَ لِلشَّمْسِ مِن دُونِ اللَّهِ وَزِينًا لَهُمُ الشَّيْطَانُ أَعْمَلَهُمْ فَصَدَّهُمْ عَنِ السَّبِيلِ فَهُمْ لَا يَهْتَدُونَ ﴿٢٤﴾

"Aku dapati raja perempuan itu dan kaumnya sujud kepada matahari Dengan meninggalkan Ibadat menyembah Allah, dan Syaitan pula memperelokkan pada

pandangan mereka perbuatan (syirik) mereka, lalu menghalangi mereka dari jalan (yang benar); oleh itu mereka tidak beroleh petunjuk, -

Sejarah telah mencatatkan bagaimana pelbagai tamadun yang menjadikan objek-objek ini sebagai sembah. Bagi manusia pada zaman dahulu, kehidupan mereka sangat bergantung kepada perubahan alam yang seimbang. Siang dan malam, perubahan musim sejuk ke panas, banjir atau kemarau, perubahan tiupan angin dan banyak lagi adalah sebahagian dari manfaat besar matahari dan bulan. Ada sebahagian catatan sejarah menyebutkan, bangsa Sumeria, Akkadian, dan Chaldean adalah penyembah matahari. Mereka membangunkan kuil-kuil untuk menyembah dewa matahari. Mereka menyebut dewa matahari sebagai penyebar cahaya alam, cahaya langit dan bumi, dewa yang menyelaraskan malam dan siang, dewa yang memberikan kehidupan dan melindungi orang-orang yang telah mati. Malah oleh kerana matahari adalah dewa yang menerangi kegelapan, maka matahari juga dewa keadilan.

Maka firman Allah SWT dalam surah Fussilat : 37 :

وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ

وَأَسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿٣٧﴾

dan di antara tanda-tanda kekuasaannya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan, dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah Yang menciptakannya, kalau betulah kamu hanya beribadat kepada Allah.

Nabi SAW telah membetulkan pandangan ini dengan sabda baginda daripada Aisyah r.ha :

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ ، لَا يَحْسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ

وَلَا حَيَاتِهِ ، فَإِذَا رَأَيْتُمُوهَا فَافْزَعُوا لِلصَّلَاةِ "

Terjemahan: *“Bahawasanya Matahari dan Bulan itu dua tanda daripada segala tanda- tanda yang menunjukkan Keesaan dan Kekuasaan Allah taala. Tidak berlaku gerhana keduanya kerana mati seseorang atau hidupnya, maka apabila kamu lihat akan demikian itu, maka hendaklah kamu bersegera bersolat”.*

(Riwayat Imam Muslim)

Sidang jemaah sekalian,

Ulama telah membahaskan rahsia peristiwa gerhana ini dalam pelbagai sudut. Namun untuk memudahkan pemahaman kita, ia dapatlah dibahagikan kepada 2 bahagian :

1. Aqliah

Gerhana sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini adalah antara fenomena alam yang dijadikan Allah SWT untuk manusia mengambil manfaat darinya dengan menggunakan akal. Ketika berlakunya gerhana, para ahli falak mengambil kesempatan untuk menyemak hasil hisab sama ada ia tepat atau tidak. Ini kerana matahari dan bulan bergerak dalam jarak, kelajuan dan waktu yang telah ditetapkan. Hasil hisab ini berfungsi untuk kita menyemak kembali data-data matahari dan bulan yang digunakan dalam hisab taqwim, penetapan puasa dan hari raya dan waktu solat. Ia juga boleh digunakan untuk semakan air pasang surut, perubahan musim dan angin. Semua ini berguna kehidupan manusia dengan manusia menggunakan akal bagi memahami fenomena gerhana.

2. Qulubiyah.

Berdasarkan rujukan dalam beberapa hadis, menunjukkan bahawa gerhana adalah sebahagian dari peringatan Allah SWT kepada manusia terutamanya kepada hamba-hambanya yang beriman. Umumnya gerhana menjadi peringatan kepada semua manusia agar jangan menyembah atau mengagungkan Bulan atau sebarang objek samawi selain Allah SWT. Gerhana juga adalah satu peringatan bagi kita mengenai nikmat syurga dan azab

neraka. Bagi ahli taat, ia adalah peringatan memberbanyakkan amal ibadah, sementara untuk ahli maksiat ia adalah peringatan untuk segera bertaubat. Gerhana juga adalah imbasan kedahsyatan hari kiamat, apabila matahari dan bulan akan kehilangan sinar dan cahayanya.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ وَاسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيْمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ

Khutbah 2

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ
الْمُشْرِكُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَذُخْرِنَا وَقُدُوتِنَا وَأُسُوتِنَا مُحَمَّدٍ إِمَامِ
الْمُتَّقِينَ وَقَائِدِ الدُّعَاةِ الْمُجَاهِدِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَى تَهْجِهِ وَجَاهَدَ
جِهَادَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ.

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Firman Allah SWT dalam surah ali-Imran : 190 :

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لآيَاتٍ لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾

Maksudnya : Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang Yang berakal;

Sidang jemaah sekalian,

Sempena dengan peristiwa gerhana bulan penuh hari ini, marilah kita sama-sama merenung dan bermuhasabah. Jika matahari dan bulan pun dijadikan oleh Allah SWT mempunyai laluan yang telah ditetapkan, bagaimana pula dengan manusia? Adakah manusia ini dijadikan gerak bebas tanpa diikat dengan jalan yang ditetapkan oleh Allah SWT? Jika pada hari ini manusia sangat suka bercakap hak asasi manusia sesama manusia, hingga manusia

ada hak untuk menentukan apakah yang baik dan buruk semata-mata berpaksikan haknya sebagai manusia. Maka apakah pula hak manusia kepada Allah SWT yang menjadikannya?

Ketika kita melihat gerhana pada pagi ini, ingatlah bahawa matahari dan bulan ini dijadikan untuk rujukan tahun, bulan, hari dan jam. Setiap waktu yang berlalu ini tidak pernah berulang atau berpatah balik balik kebelakang. Setiap detik berlalu menandakan kita semakin dekat dengan kematian, semakin dekat hari kiamat yang pasti akan berlaku. Itu janji Allah yang tidak pernah khilaf dengan janji-Nya. Peringatan untuk kita agar jangan melupakan akhirat. Saat manusia hari ini terlalu sibuk dengan hal keduniaan merangkumi soal percukaian dalam ekonomi, hak-hak manusia dalam sosial malah sibuk memastikan agenda politik kepartian. Ada sebahagian umat Islam menjadikan agama sebagai bahan jual beli semata-mata atas pelbagai kepentingan duniawi. Saat inilah Allah SWT menjadikan gerhana pada pagi ini untuk kita sama-sama meletakkan keutamaan agama Islam ini mengatasi segala-galanya dalam kehidupan ini.

Cahaya bulan pada pagi ini berkurang menjadi kemerahan kerana gerhana yang berlaku. Ini kerana cahaya bulan yang dipinjam dari matahari terhijab dengan bumi. Bermusabablah, agar kita sentiasa ingat bahawa segala apa yang kita miliki ini adalah pinjaman dari Allah SWT. Ketika kita kaya janganlah lupa pada yang miskin, ketika kita berada di puncak jangan kita lupakan yang dibawah, ketika kita memimpin jangan lupakan yang dipimpin. Semua itu adalah pinjaman. Allah SWT mempunyai hak mutlak atas apa yang dipinjamkan pada diri kita hatta diri kita sendiri dimiliki oleh Allah SWT. Kekuasaan yang diberikan adalah satu pinjaman. Gunakanlahnya untuk meninggikan kalimah Allah SWT bukan merendhaknya. Harta itu adalah pinjaman. Gunakanlah untuk membantu manusia lain, bukannya semata mengkayakan diri sendiri.

Moga gerhana yang dikirimkan oleh Allah SWT pada pagi dapat memberi peringatan yang baik untuk kita semua.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَرْزُقَ كُلًّا مِنَّا لِسَانًا صَادِقًا ذَاكِرًا، وَقَلْبًا خَاشِعًا مُنِيبًا، وَعَمَلًا صَالِحًا زَاكِيًا، وَعِلْمًا نَافِعًا رَافِعًا، وَإِيمَانًا رَاسِحًا ثَابِتًا، وَيَقِينًا صَادِقًا خَالِصًا، وَرِزْقًا خَالِصًا وَرَافِعًا، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَوَحِّدِ اللَّهُمَّ صُفُوفَهُمْ، وَأَجْمِعْ كَلِمَتَهُمْ عَلَى الْحَقِّ، وَاكْسِرْ شَوْكَةَ الظَّالِمِينَ، وَاكْتُبِ السَّلَامَ وَالْأَمْنَ لِعِبَادِكَ أَجْمَعِينَ

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَاءِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ سُلْطَانَ نَزْرِينَ مُعِزُّ الدِّينِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ أَرْلِنِ مُحِبُّ الدِّينِ شَاهِ الْمَغْفُورِ لَهُ بِمَا تُحِبُّ وَتَرْضَاهُ

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. وَادْكُرُوا اللَّهَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.